


Headline	Mini Miracle Garden Puteri Gunung Ledang		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	10 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A2	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	913 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh Erda Khursyiah Basir	AdValue	RM 5,921
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 17,762



# Mini Miracle Garden Puteri Gunung Ledang

Oleh Erda Khursyiah Basir

**MENGANGKAT** tema hikayat Puteri Gunung Ledang, sebuah taman mini yang diberi nama 'Mini Miracle Garden' telah diwujudkan di daerah Tangkak.

Hasil cetusan idea Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Dr Hamim Samuri, yang juga Ahli Parlimen Ledang, ia diharap menjadi tarikan baharu daerah itu yang sebelum ini terkenal dengan jolokan syurga kain atau bandar tekstil.

Pegawai Perancang Bandar dan Desa Majlis Daerah Tangkak (MDT) Zulkifli Sabree berkata peruntukan RM100,000 daripada Kerajaan Persekutuan serta bimbingan dan kepakaran terutama dalam aspek teknikal landskap daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dapat merealisasikan idea taman mini berkenaan yang mula dibuka kepada orang ramai pada 14 Okt lepas.

"Kita mahu mewujudkan sebuah taman mini ajai yang mempunyai kaitan dengan kisah lagenda Puteri Gunung Ledang dengan menterjemah elemen yang terdapat dalam kisah itu ke dalam bentuk 'sculpture' yang ada di sini."

"Antara elemen utama yang diketengahkan ialah tuiuh 'stepping

stone' yang diolahkan daripada tujuh syarat untuk meminang Puteri Gunung Ledang serta arca tempayan dan dulang. Kita berharap dengan adanya 'Mini Miracle Garden' sebagai tarikan baharu daerah ini, lebih ramai yang akan berkunjung ke sini," katanya ketika ditemui di taman mini itu baru-baru ini.

## 'SOFTSCAPE' DAN 'HARDSCAPE'

Dibangunkan di bawah kawasan pentadbiran MDT, tempoh kira-kira enam minggu diperuntukkan bagi menyiapkan taman mini berkenaan.

Selain dibina di atas kawasan Taman Awam Laman Bunga Raya, ia juga terletak bersebelahan Masjid Jamek Tangkak,

di tengah-tengah Bandar Baharu Tangkak.

"Dengan keluasan 900 meter persegi, kerja menambah baik kemudahan di taman mini itu akan dilakukan dari semasa ke semasa."

Sebagai contoh, menambah 'sculpture' baharu dan unik termasuk elemen pencahayaan untuk dikunjungi pada waktu malam," katanya.

Penolong Arkitek Landskap bagi projek berkenaan Mohd Hanafi

Headline	Mini Miracle Garden Puteri Gunung Ledang		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	10 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A2	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	913 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh Erda Khursyiah Basir	AdValue	RM 5,921
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 17,762

Mohd Lazim berkata taman mini itu turut dibina dengan menggabungkan konsep tradisional dan moden.

Mendapat khidmat nasihat FRIM dalam aspek rekabentuk, susun atur dan jenis pokok atau tanaman yang sesuai untuk ditanam, antara pendekatan dalam penambahbaikan dan pengindahan landskap kawasan taman itu merangkumi elemen kerja landskap lembut (softscape) dan landskap kejur (hardscape).

"Kerja landskap lembut (softscape) melibatkan penanaman spesies tumbuhan bersesuaian terutama tumbuhan renik berbunga dan daun berwarna bagi memberi impak warna-warni kepada taman berkenaan.

Selain itu, penanaman pokok topiari dan pagaran dengan rupa bentuk yang seragam, penggunaan pokok berpasu dan pokok

memanjang bagi menghiasi struktur gerbang mini turut dilakukan.

"Bagi kerja landskap kejur pula, pembinaan struktur gerbang mini, arca hiasan seperti basikal bunga, kereta sorong, pasu-pasu tumpah dan ikonik logo 'Love' Ledang Tangkak turut dibangunkan sekaligus menjadi tarikan utama untuk orang ramai datang dan merakam gambar kenangan di sini," katanya.

### BERSKALA BESAR

Antara spesies pokok dan tumbuhan yang ditanam ialah pokok renik berbunga, pokok renik daun berwarna, palma dan pokok hiasan serta pokok topiari dan pagaran.

Pokok renik berbunga antaranya ialah Bougainvillea spp (bunga kertas), Otacanthus caeruleus (Amazon Blue), Petunia

hybrid (Bunga petunia), Portulaca grandiflora (Ros Jepun), Ruellia simplex (Ruellia), Turnera subulata (lidah kucing).

Bagi pokok renik daun berwarna (foliage plants) pula ia melibatkan Alternanthera ficoidea (bayam mini merah), Alternanthera dentata (bayam merah) dan Duranta 'Dwarf Yellow', palma dan pokok hiasan ialah raphis excelsa dan pisonia alba manakala pokok topiari dan pagaran melibatkan duranta 'Dwarf Yellow', Euodia ridleyi, Loropetalum chinense dan Tabernaemontana divaricata.

Memetik ucapan Hamim pada majlis perasmian Plot Model Kampung Herba di Kampung Sagil, di sini pada 14 Okt lepas, ikonik logo 'Love' Ledang, Tangkak adalah simbolik tanda peringatan buat orang ramai yang pernah berkunjung ke daerah ini.

"Misi kita, kalau di Dubai ada Taman Ajaib Dubai (Dubai Miracle Garden) yang iaitu taman bunga terbesar di dunia, di Ledang ini walaupun kecil (taman mini), tetapi mengandungi makna yang besar.

"Pertamanya, InsyaAllah Ledang akan jadi sebahagian daripada pusat penyelidikan herba iaitu satu lagi spesis hutan, kita ada projek spesis hutan di Tol Tangkak yang sedang dilaksanakan, projek spesis hutan di Tol Gambir dan satu lagi projek besar iaitu tapak semaihan spesis hutan di tapak bekas Tol Gambir yang sedang berjalan," katanya.

Beliau turut menambah beberapa tarikan yang ada di daerah itu secara langsung turut memberi manfaat besar kepada penduduk termasuk mengembangkan sektor pelancongan.



**MENARIK:** Hiasan landskap yang terdapat di sekitar taman mini yang diberi nama Mini Miracle Garden. — Gambar Bernama

Headline	Mini Miracle Garden Puteri Gunung Ledang		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	10 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A2	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	913 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh Erda Khursyiah Basir	AdValue	RM 5,921
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 17,762



**SANGAT LUAS:** Keluasan bagi taman mini adalah 900 meter persegi dan taman mini ini juga akan dilakukan menambah 'sculpture' baru dan unik termasuk elemen pencahayaan untuk dikunjungi pada waktu malam. — Gambar Bernama



**CANTIK:** Antara spesies pokok dantumbuhan yang ditanam di situ. — Gambar Bernama